

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BULAN
NOVEMBER 2017

Tarikh : 29 NOVEMBER 2017 (RABU)
Masa : 8.30 PAGI
Tempat : AUDITORIUM JPM, BLOK B1,
KOMPLEKS JPM
Tema : “INTEGRITI : AUDIT DIRI ANDA”

Assalamualaikum warahmatullahi wa barakaatuh,

Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia,

Terima kasih kepada saudara-saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin Abu Hassan,
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan)
JPM,

Yang Berbahagia Datuk Mariam Kholidah Binti Zulkifli,
Setiausaha Bahagian Audit Dalam, selaku penganjur majlis
pada kali ini,

Yang Berusaha Puan Norliza Binti Adenan, Ketua Unit
Integriti, selaku penganjur bersama;

dan

Yang Berusaha Tuan Mohd Firdaus Bin Ramlan,
selaku penceramah jemputan kita pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Setiausaha-Setiausaha
Bahagian,

Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin
hadirat yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah bersyukur kita kepada Yang Maha Esa kerana berkat limpah rahmatNya dapat kita bersua sekali lagi di Perhimpunan Bulanan JPM bagi bulan November 2017.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada para penerima Anugerah Penjawat Cemerlang Bagi Bulan Oktober 2017 dan penerima Anugerah Tokoh Integriti JPM yang pertama kali kita berikan. Semoga pengiktirafan ini akan dijadikan motivasi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus komited melaksanakan tugas harian serta dapat menyuntik semangat kepada semua warga kerja JPM untuk terus beristiqamah dan bersama-sama dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan lebih cemerlang dan gemilang.
3. Tahniah juga diucapkan kepada Peminjam Paling Aktif Perpustakaan JPM bagi bulan November 2017 dan juga kepada yang telah dinaikkan pangkat.
4. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan selamat datang kepada warga baru JPM yang telah melaporkan diri sama ada lantikan baru dalam perkhidmatan awam mahupun

yang bertukar daripada Kementerian atau Jabatan lain. Diharapkan tuan-tuan dan puan-puan warga baru JPM dapat mencurahkan khidmat bakti cemerlang tuan/puan dengan penuh iltizam dan dedikasi bagi merealisasikan semua inisiatif yang terkandung dalam agenda transformasi Perkhidmatan Awam. Budaya dan disiplin kerja di tempat yang lama boleh diaplikasikan di JPM sekiranya ia boleh memberi nilai tambah.

5. Pada masa yang sama, saya berterima kasih dan mengucapkan selamat maju jaya kepada warga kerja JPM yang telah bertukar mahupun yang telah bersara. Tahniah kepada yang telah bertukar atas sebab kenaikan pangkat dan semoga dapat menimba pengalaman di tempat yang baru. Seterusnya kepada yang telah bersara, didoakan supaya sentiasa diberkati dan dilimpahi rahmat oleh-Nya dalam apa jua bidang yang bakal diceburi. Segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai jua.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

HARI KELUARGA JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) 2017

6. Pada 18 November 2017 yang lepas, Badan Kebajikan Dan Sukan (BKDS) Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menganjurkan Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2017 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor yang melibatkan Bahagian-bahagian di JPM.
7. Saya merasakan program seperti Hari Keluarga JPM ini juga amat penting dalam meningkatkan Indeks Kebahagiaan di kalangan warga JPM. Untuk makluman semua, Malaysia pada hari ini merupakan negara ke-42 Paling Bahagia daripada keseluruhan 155 buah Negara di dunia menurut *World Happiness Report* Tahun 2017.
8. Justeru, selain aktiviti-aktiviti sukan yang telah disusun dalam program tersebut, Hari Keluarga JPM ini juga telah diatur supaya ianya dapat memberikan ruang dan peluang kepada warga JPM serta keluarga masing-masing untuk menunjukkan sifat saling sayang menyayangi,

bekerjasama dan bersatu padu bukan hanya kepada keluarga sendiri malahan kepada warga JPM yang lain sekaligus mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dan kemesraan di kalangan semua warga JPM. Harapan saya impak positif ini akan menjadikan warga JPM lebih fokus dan dapat bekerja dengan lebih efisien dan berinovasi.

9. Setinggi-tinggi penghargaan dan syabas saya ucapkan kepada pihak penganjur dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penganjuran Hari Keluarga JPM pada tahun ini. Semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan dan Hari Keluarga JPM ini akan dapat dilaksanakan secara tahunan pada masa-masa akan datang.

10. Tahniah dan syabas saya ucapkan juga kepada Rumah Sukan yang menang pada Hari Keluarga tempoh hari dan kepada Rumah Sukan yang tidak berjaya jangan hampa dan jangan kecewa.

Hadirin hadirat sekalian,

BAJET 2018

11. YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak juga selaku Menteri Kewangan Malaysia, telah membentangkan Bajet bagi tahun 2018 pada 27 Oktober 2017. Bajet Tahun 2018 bertemakan “Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi, Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50”. Selari dengan tema tersebut, Bajet 2018 adalah paling inklusif dan komprehensif untuk semua lapisan masyarakat Malaysia.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN MALAYSIA SERTA KEYAKINAN PELABUR TERHADAP EKONOMI NEGARA

12. Sepertimana petikan ucapan daripada YAB Perdana Menteri baru-baru ini, kita semua perlu tahu bahawa ada beberapa faktor yang menentukan ekonomi sesebuah negara, dan pencapaian Malaysia itu termasuklah tahap keluaran dalam negara kasar (KDNK) serta keyakinan pelabur asing ke atas keteguhan ekonomi.

13. Untuk makluman hadirin sekalian, prestasi ekonomi semasa negara dalam tempoh suku kedua tahun 2017 dengan KDNK benar telah mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5.8% manakala hutang Kerajaan kepada KDNK telah kembali di bawah paras 55%. Paras KDNK ini lebih tinggi daripada suku pertama tahun lepas sebanyak 4 peratus.
14. Melalui perancangan ekonomi yang menyeluruh dan berhemah- sebuah pelan tindakan, dengan petunjuk prestasi utama dan hasil yang boleh diukur supaya dapat menguji kemajuan dan memastikan kita terus berada di landasan yang tepat, maka terciptalah Program Transformasi Negara, dengan komponen utamanya, Program Transformasi Ekonomi, atau ETP hasil cetusan idea YAB Perdana Menteri kita sendiri yang mana ada sesetengah orang menggelarnya sebagai "Najibnomics".
15. Hasilnya daripada "Najibnomics" ini, pendapatan Negara Kasar telah meningkat hampir 50%. Kita juga telah berjaya mengurangkan jurang sasaran pendapatan tinggi, dari 33% kepada 19%. 2.26 juta pekerjaan telah diwujudkan, di mana lebih satu juta daripadanya adalah pekerjaan berpendapatan tinggi. Sehingga Mac 2017, eksport kita mencecah RM82.63 bilion - angka bulanan tertinggi bagi eksport Malaysia yang pernah direkodkan.

16. Inflasi dan pengangguran kekal rendah. Oleh kerana dasar luar negara, kita telah berjaya menarik Pelaburan Langsung Asing pada tahap yang belum pernah terjadi sebelum ini, yang menunjukkan keyakinan dunia terhadap Malaysia. Pada tahun 2017 sahaja kita telah melihat 14 MOU perniagaan antara Malaysia dan China bernilai RM144 bilion, 31 MOU perniagaan antara Malaysia dan India bernilai RM158.4 bilion, serta pelaburan USD7 bilion di Malaysia oleh Saudi Aramco. Ini membawa bersamanya beribu-ribu pekerjaan baru, pemindahan kemahiran, dan peningkatan taraf hidup untuk keluarga yang tidak terhitung jumlahnya.
17. Keyakinan pelabur terhadap ekonomi Negara juga diperkukuhkan dengan Laporan *Expat City Ranking 2017* terbitan *InterNations* mutakhir ini, yang mana Kuala Lumpur telah terpilih sebagai Bandar Raya Ke-4 Terbaik kepada ekspatriat untuk tinggal dan bekerja, daripada Bandar raya-bandar raya di 51 buah Negara. Selain itu dalam laporan yang sama, kedudukan Malaysia di bawah *Ease of Settling In Index* turut meningkat dari tempat ke-38 ke tempat ke-15.
18. Pihak pembangkang pada masa kini pula mendakwa hutang Kerajaan semakin meningkat dan Negara kita

akan bankrap, walhal hakikatnya bukan begitu malahan indikator-indikator dan laporan yang saya sebutkan tadi telah membuktikan Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri telah berjaya dalam memastikan ekonomi negara terus berkembang dan berjaya menarik ramai pelabur asing untuk melabur di Negara kita.

19. Justeru, saya menyeru kepada hadirin sekalian supaya menyebarkan fakta ini di luar sana supaya kita semua tidak menerima bulat-bulat apa yang dicanang-canang oleh pihak pembangkang dan seharusnya bersyukur dan bersama-sama berganding bahu dengan Kerajaan yang memerintah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang lebih kuat dan lebih berdaya saing di dalam dan di luar Negara, insyaAllah.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

PENGECUALIAN POTONGAN PINJAMAN PERUMAHAN BAGI PENGIRAAN PENDAPATAN BERSIH PENJAWAT AWAM

20. Pada 13 November 2017 yang lepas, YBhg Tan Sri KPPA telah mengeluarkan satu surat pekeliling kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan Pengecualian Potongan Pinjaman Perumahan Bagi Pengiraan Pendapatan Bersih Penjawat Awam.

21. Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi jalan penyelesaian kepada isu semasa yang berlaku kebelakangan ini yang mana terdapat aduan dan rintihan penjawat awam yang tidak berjaya mendapatkan pinjaman perumahan bagi membeli rumah idaman termasuk perumahan PPA1M mahupun PR1MA disebabkan ada pekeliling semasa yang menyatakan bahawa pendapatan bersih penjawat awam mestilah 40% ke atas daripada gaji asal. Ini bermakna pemotongan sebarang pinjaman mestilah tidak melebihi 60% daripada

gaji. Sehubungan itu, dengan adanya surat pekeliling ini, penjawat awam kini layak memohon pinjaman perumahan walaupun pengiraan potongan pinjaman berkenaan menyebabkan pendapatan bersih penjawat awam berkenaan (*take home pay*) kurang daripada 40%.

22. Dikesempatan ini, saya menyeru dan mengingatkan kepada semua, sekiranya ada dikalangan tuan/puan yang sebelum ini gagal dalam mendapatkan pinjaman perumahan sama ada melalui pinjaman Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) atau pinjaman swasta, bolehlah mengemukakan permohonan pinjaman yang baharu.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

HARI INTEGRITI PERINGKAT KEBANGSAAN

23. Pembudayaan serta pengamalan integriti adalah penting untuk menjadi teras dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, dalam menyemarakkan lagi semangat integriti dan membudayakan integriti sebagai cara hidup dan amalan masyarakat Malaysia, Kerajaan telah memilih 5 November pada setiap tahun sebagai Hari Integriti Peringkat Kebangsaan.

24. Di peringkat JPM, Perhimpunan Bulan ini juga memberi peluang untuk kita sama-sama merenung kembali sejauh mana warga kerja mengamalkan budaya integriti. Saya juga dimaklumkan selepas ini, kita akan mendengar perkongsian ilmu berkaitan Soal Integriti dan Bahana Rasuah yang akan disampaikan oleh penceramah jemputan kita iaitu YBrs Encik Mohd Firdaus Ramlan, bekas Majistret yang kini sebagai Penceramah Bebas. Semoga apa yang disampaikan oleh beliau nanti akan dapat kita hayati dan kita jadikan panduan ke arah menjadi insan dan penjawat awam yang lebih baik insyaAllah.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

BUDAYA INTEGRITI

25. Bersesuaian tema perhimpunan kali ini iaitu “Integriti : Audit Diri Anda”, kita semua seharusnya bertanya kepada diri kita sejauh mana kita telah menjaga integriti kita.

26. Skop Integriti adalah luas, baik dalam kehidupan seharian mahupun semasa bekerja. Integriti kita dalam menjaga

kerahsiaan maklumat-maklumat Kerajaan umpamanya perlulah kita jaga sepanjang masa. Selain itu kita perlu juga menjaga integriti kita terhadap tuntutan-tuntutan palsu, sijil sakit palsu, keluar pejabat tanpa kebenaran, tidak mematuhi waktu bekerja, berada di kantin pada waktu berkerja, mengetik Kad Perakam Waktu bagi pihak individu lain, menjalankan perniagaan semasa waktu bekerja, membuat kerja-kerja di luar tanpa kebenaran, penyalahgunaan dadah, bermain judi atas talian, penyalahgunaan media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *Instagram* serta pelbagai lagi media sosial yang ada pada masa kini.

27. Saya juga ingin menyentuh mengenai etika dan integriti kita sebagai penjawat awam. Adalah amat perlu untuk setiap warga kerja JPM mempunyai roh integriti yang tinggi dalam diri masing-masing semasa melaksanakan tanggungjawab serta tugas. Kita perlu sentiasa memastikan segala perbelanjaan bagi pengurusan dan operasi serta bayaran perolehan diuruskan dengan betul dan teratur. Lebih penting lagi, dalam melaksanakan perbelanjaan ini kita perlu mengelakkan pembaziran dalam perbelanjaan dan menghindarkan diri daripada terlibat dalam penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan sumber kewangan.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

GEJALA RASUAH DAN KESANNYA

28. Akhir-akhir ini, kita sering kali mendapat berita mengenai penjawat-penjawat awam yang terlibat dengan rasuah. Daripada peringkat bawahan sehingga ke peringkat tertinggi, kita telah dikejutkan dengan tangkapan demi tangkapan yang telah dilaksanakan oleh SPRM untuk membanteras gejala rasuah ini. Walaupun dilakukan oleh segelintir individu penjawat awam, namun kesannya tetap terkena kepada keseluruhan penjawat awam yang lain, termasuk kita semua.
29. Pendedahan dan penangkapan ini telah sedikit sebanyak menjejaskan persepsi rakyat terhadap penjawat awam. Kita perlu lebih serius dan tidak boleh memandang ringan akan perkara ini, kerana rasuah bukan sahaja boleh memberi kesan buruk kepada ekonomi dan sosial Negara, malah ia ibarat anai-anai yang secara perlahan-lahan akan menghilangkan nilai-nilai murni serta menjejaskan asas-asas moral dalam peribadi seseorang.

30. Saya ingin mengingatkan kepada diri saya sendiri dan juga kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa kerja yang kita laksanakan adalah satu ibadah. Oleh itu, kita perlulah melaksanakan ibadah dengan ikhlas dan telus untuk mendapatkan keberkatan. Saya percaya dan yakin bahawa agama apa pun tidak membenarkan penganutnya untuk membuat apa-apa salah laku terutamanya rasuah yang akibatnya akan merosakkan negara kita sendiri.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

31. Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan program perhimpunan pagi ini dan juga kepada semua warga JPM yang telah sudi hadir ke perhimpunan pagi ini.

32. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga kerja JPM untuk terus bekerja dengan penuh komited serta berintegriti, berdisiplin, sentiasa mengamalkan semangat kerjasama dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab, berusaha mengekalkan keharmonian sepanjang masa, setia kepada organisasi dan bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik

untuk menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan awam di negara kita ini lebih berkualiti dan berintegriti, lebih efektif dan efisien. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa JPM akan mampu menjadi sebuah agensi cemerlang sekiranya setiap warganya memberikan sokongan dan khidmat cemerlang yang tidak berbelah bagi kepada organisasi ini.

33. Saya juga berharap agar segala apa yang dirancang pada tahun 2017 ini dapat diteruskan dan diselesaikan dalam tempoh yang masih tinggal sehingga penghujung tahun 2017 ini. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Bercuti kepada semua warga JPM yang akan bercuti pada hujung tahun bersama keluarga tercinta. Manakala bagi Bahagian atau Unit yang kritikal yang memerlukan komitmen sehingga penghujung tahun ini, saya nasihatkan agar Ketua Bahagian/Unit bijak merancang dan menyusun strategi cuti warga Bahagian/Unit masing-masing supaya segala tanggungjawab dan tugas dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

Wabillahittaufikwalhidayah,

WassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuhSalam

Negaraku Malaysia. Sekian, terima kasih.